

Ingatan kepada usahawan yang

berura2 nak melabur di China

Pasaran ASEAN empat kali lebih besar

— Dr M

KUALA LUMPUR 8 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para usahawan dan peniaga ASEAN yang berura-ura menerokai pasaran yang luas di China bahawa pasaran ASEAN adalah empat kali lebih besar.

Menurut Perdana Menteri, ada yang menganggap China tempat yang menarik untuk melabur sedangkan peluang yang luas terdapat di rantau ASEAN dalam apa jua

seperti yang kita ketahui pasaran di Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat?" Tanya beliau.

Menurut beliau, ASEAN sudah pun mencapai kejayaan yang menggalakkan dan persatuan itu akan kekal sebagai institusi yang penting meskipun anggota-anggotanya hanya mencapai sedikit kemajuan dalam segi kerjasama ekonomi.

"Tetapi dalam tahun ini, seperti tahun-tahun lalu, kita mempunyai peluang, tanggungjawab bukan sahaja untuk memperkuatkan ASEAN tetapi juga untuk berusaha menerokai bidang baru dan menerima cabaran baru serta menjadikannya peluang baru," tambahnya.

Perdana Menteri kemudian mengingatkan

9 JUL 1983

kegiatan perniagaan.

Beliau menegaskan, masanya telah tiba bagi mereka yang benar-benar percaya dan yakin kepada ASEAN berhenti dari bermimpi dan mula bertindak sekarang.

Berucap merasmikan mesyuarat ke-18 Menteri-Menteri Luar ASEAN di sini pagi ini, Perdana Menteri berkata, peluang-peluang ekonomi akan wujud dan ditemui dengan adanya titik peluh, keberanian dan azam semua pihak yang terlibat.

"Oleh itu, masanya sudah tiba bagi mana-mana orang di kalangan kita yang yakin terhadap ASEAN supaya berhenti daripada mimpi mereka dan sebaliknya memulakan tindakan," tegasnya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, ramai peniaga dan usahawan telah mula mengintai-ngintai pasaran China yang 'besar' tetapi mereka telah melupakan dan tidak nampak pasaran ASEAN.

Katanya, perangkaan menunjukkan bahawa pasaran ASEAN adalah empat kali lebih besar daripada pasaran China dan pasaran ASEAN berdekatan jika dibandingkan dengan negara China yang mengamalkan sistem perniagaan yang belum dapat dipastikan.

Mengenai kerjasama ekonomi di antara anggota-anggota ASEAN, Perdana Menteri berkata aspek tersebut memang menghadapi beberapa halangan.

"Ekonomi negara - negara ASEAN pada umumnya adalah kompetitif dan tidak bersifat saling menokok - tambah (complementary). Tidakkah kita dapat mencari bidang - bidang bagi kerjasama demi kepentingan bersama?"

"Bukankah masanya sudah tiba bagi sektor swasta kita mengetahui lebih mendalam pasaran - pasaran di setiap negara ASEAN

negara-negara ASEAN supaya terus mencari jalan untuk mempertingkatkan kerjasama ekonomi ke arah dan paras baru.

Beliau juga mahu ASEAN mempastikan hubungan tegang di antara Amerika Syarikat dan Jepun tidak diselesaikan dengan mengorbankan kepentingan ASEAN sendiri.

Katanya, mesyuarat ke-18 ini diadakan pada waktu yang penuh dengan cabaran dan peluang.

Cabaran-cabaran itu, tegas beliau, mestilah dihadapi dengan azam dan usaha, dan dengan pragmatisme yang dipandu oleh pandangan strategik demi kepentingan nasional dan pembangunan masa depan ASEAN.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir lagi, tahun-tahun 70an merupakan tempoh yang dipenuhi oleh kekacauan dalam ekonomi antarabangsa, tetapi ia juga tempoh yang penuh dengan peluang ekonomi.

"Banyak negara di pelosok dunia yang lain mengalami keadaan yang buruk. Banyak lagi yang lain lebih teruk. Kita di dalam ASEAN pula mencapai prestasi yang baik.

"Kita masih merupakan sebahagian daripada jentera pertumbuhan ekonomi rantau Pasifik dan dunia, dan masa depan tidaklah gelap. Bagaimanapun, tahun-tahun 80an diancam oleh pergolakan dan ribut," katanya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menegaskan bahawa produktiviti mestilah digerakkan lagi ke paras yang lebih tinggi dan dasar perlindungan dagangan serta manipulasi barangan di pasaran memerlukan tindakan yang lebih tegas.

Jika perlu, jelasnya, semua pihak hendaklah mengadakan usaha bersama untuk menentang dasar perlindungan itu.